

# Perlantikan Wanita sebagai Ketua (Pemimpin): Satu Perbincangan daripada Perspektif Siyasah Syar'iyyah

Mohd. Shafie b. Ngah

## Abstract

*Assigning a woman to manage matters related to al-Wilayah al-Khassah is never being disputed, however, in matters of al-Wilayah al-'Ammah Muslim experts on Siyasah Shar'iyyah differ in opinion especially in relation to the hadith which says a nation will be ill-fated when a woman is appointed to the leadership. The article discusses the hadith from the perspectives of Siyasah Shar'iyyah.*

## Pendahuluan

Keharusan kaum wanita dalam memegang urusan yang berkait dengan *al-Wilayah al-Khassah* tidak pernah dipertikaikan. Walau bagaimanapun apabila menyentuh *al-Wilayah al-'Ammah*, timbulah suatu persoalan. Persoalan yang dimaksudkan ialah pertikaian di antara boleh atau tidak boleh melantik seseorang wanita, lantaran sifatnya wanita, memegang sesuatu jawatan yang digolongkan sebagai *al-Wilayah al-'Ammah*.

*Al-Wilayah al-'Ammah* ditakrifkan sebagai suatu jawatan atau kuasa yang menjalankan sesuatu urusan umum. Dalam istilah sekarang, penggunaan kuasa itu bermaksud menjalankan sesuatu jawatan yang melibatkan Kuasa Perundangan

(*Legislative Power*), Kuasa Kehakiman (*Judicative Power*) dan Kuasa Eksukatif (*Exucative Power*).<sup>1</sup>

### Nas melarang

Ramai berpendapat bahawa hukum tidak membolehkan seseorang wanita menjawat sebarang jawatan yang dimaksudkan di dalam *al-Wilayah* ini adalah diambil daripada isyarat satu hadith, yang ternukil di dalam *Nayl al-Awtar* oleh al-Syawkani iaitu;<sup>2</sup>

Maksudnya; “*Tidak akan berjaya selama-lamanya sesuatu bangsa yang melantik wanita memegang urusan mereka.*”

Al-Mawardi, ketika membincangkan tentang jawatan *al-Wizarah* menyatakan bahawa seseorang wanita tidak boleh dilantik untuk menjawat jawatan seperti itu, berdasarkan hadith tersebut. Menurutnya lagi, sifat wanita itu sendiri adalah lemah yang menyebabkan ia tidak mampu memegang jawatan tersebut.<sup>3</sup>

Ibn Qudamah juga menyatakan demikian dengan meletakkan lelaki sebagai syarat menjadi kadi, suatu jawatan yang termasuk di dalam maksud *al-Wilayah al-'Ammah*.<sup>4</sup> Menurut beliau, seseorang kadi perlu ada bersama didalam sesuatu pertelingkahan di khalayak ramai dan akan terlibat dengan pergaulan bersama kaum lelaki. Situasi ini memerlukan kecerdikan, kawalan emosi dan kekuatan akal. Sifat-sifat ini, menurut Ibn Qudamah, tidak ada pada wanita. Malah menurutnya lagi, dalam maksud meletakkan wanita pada suatu taraf tertentu, mengatakan, jika ada seribu wanita pun tanpa bersama mereka seorang lelaki, kesaksian kaum wanita dengan jumlah itu, tidak boleh diterima!<sup>5</sup>

Jika demikian keadaannya, bermakna perlantikan seseorang wanita untuk sebarang jawatan itu adalah tidak sah, terbatal dan berdosa kerana berlawanan dengan nas, iaitu hadith tersebut. Jadi seseorang wanita tidak boleh dilantik sebagai Hakim, Kadi, Majistret, Penasihat Undang-undang Negeri/Negara, Menteri, Perdana Menteri, Setiausaha Parlimen, Pegawai Daerah dan jawatan-jawatan perkhidmatan awam yang lain.

### Perkara Dasar

Persoalan tentang kedudukan wanita di dalam *al-Wilayah al-'Ammah* adalah suatu persoalan yang amat penting, yang melibatkan soal dasar dalam perlantikan kepemimpinan awam atau negara. Oleh yang demikian hubungan perkara ini dengan hadith yang tersebut diatas perlu ditinjau dari pelbagai sudut dan aspek.

Analisis ini dibuat dengan merujuk kepada empat perkara, pertama; pengecualian dari prinsip *al-Musawah*, kedua; kedudukan hadith ini yang berada pada taraf Ahad, ketiga; ia terbit hasil dari sebab yang khusus sebagai menjawab persoalan semasa, dan keempat; sifat Rasulullah (s.'a.w) ketika baginda mengeluarkan hadith tersebut.

### Pengecualian

Pertama, hadith ini adalah khusus sebagai menyatakan larangan kepada kaum wanita

menjawat jawatan *Imam al-'Uzma* sahaja dan tidak melibatkan jawatan-jawatan lain seperti *Wilayah al-Qada'* dan *al-Wizarah*. Ini kerana perkataan "amrahum" adalah 'am lantaran perkataan *mufrad* disandarkan kepada *ma'rifah*. Jadi 'am di sini bermaksud meliputi seluruh urusan umat, termasuk kepemimpinan-nya. Kepemimpinan lain, selain *Imam al-'Uzma* tidak termasuk kedalam maksud hadis ini kerana jawatan lain hanya menjalankan kuasa di bidang-bidang tertentu sahaja.<sup>6</sup>

Jawatan *Imam al-'Uzma* adalah suatu pengecualian dari prinsip umum iaitu *al-Musawah*. Dalam prinsip *al-Musawah*, kaum wanita dan lelaki adalah sama dari sudut kemanusiaan, perhambaan kepada Allah dan tanggungjawab mempertahankan negara. Islam tidak sekali-kali merendahkan martabat kaum wanita hanya kerana susunan biologinya sedemikian rupa, bahkan sebaliknya Islam menghormatinya perbezaan ini dalam menentukan hak dan tanggungjawab masing-masing.<sup>7</sup>

Perihal kesamarataan ini dijelaskan dalam banyak ayat al-Quran seperti *al-Hujurat* 49:13, *al-Qiyamat* 75:36-39, *al-Tawbah* 9:71 dan *al-Hajj* 22:77.

Apabila wujud pengecualian (*al-istithna'*) daripada suatu prinsip asas maka pengecualian itu tidak boleh diqiyaskan dengan prinsip asas, berkenaan. Dalam konteks ini, mengiyaskan kedudukan menjawat jawatan *al-Wilayah* lain dengan *Imam al-'Uzma* adalah tidak tepat.<sup>8</sup>

### **Hadith *Ahad***

Kedua, hadith tersebut adalah hadith *Ahad*.<sup>9</sup> Secara sebulat suara para ulama menyatakan bahawa hadith *Ahad* hanya menghasilkan hukum yang *zanni* sekalipun perawinya Imam Bukhari, seorang imam hadith yang besar. Oleh kerana itu kedudukannya tidaklah sekutu hadith-hadith lain yang menghasilkan hukum *qat'iyy* seperti di dalam soal-soal sembahyang, puasa, zakat dan haji.<sup>10</sup>

Walaupun begitu, hadith-hadith *Ahad* yang menghasilkan hukum *zanniy rajih* telah diterima oleh majoriti ulama Syafi'i, Hanbali, Maliki dan kebanyakkan daripada Hanafi sebagai salah satu sumber di dalam perkara-perkara '*amaliyah*, malah banyak juga hukum-hukum Syarak yang bersandar kepada hadith-hadith *Ahad*.<sup>11</sup>

Dalam perkara amalan-amalan biasa dan undang-undang sivil serta jenayah, ada pendapat yang menyatakan bahawa hadith-hadith *Ahad* boleh diterima. Namun demikian, ia tidak boleh dipakai dalam undang-undang perlembagaan kerana undang-undang perlembagaan hanya menerima nas-nas yang yakin hukumnya seperti daripada hadith-hadith *Mutawatir* atau *Masyhur*. Ini kerana undang-undang perlembagaan merupakan suatu undang-undang yang amat tinggi statusnya dan menjadi sumber keadilan yang utama, terpenting dan menyeluruh, termasuk menjelaskan tentang kebebasan individu dan hak-hak asasi bagi semua orang.<sup>12</sup>

### **Sebab Khusus**

Ketiga, hadith ini terbit atas sebab khusus sebagai menjawab persoalan semasa. Oleh yang demikian, hukum yang sama tidak boleh dipakai dalam masa yang lain.<sup>13</sup>

Menurut Ibn Hajar, hadith tersebut adalah menjawab persoalan yang dikemukakan oleh para sahabat tentang tindakan Raja Parsi, Busyrawaih bin Abruwiz bin Hurmuz yang melantik anak perempuannya, Buran untuk menggantikannya sebagai maharaja Parsi.<sup>14</sup> Tujuan disebalik hadis ini adalah untuk memperkecil-kecilkan Kerajaan Parsi dan tiada kaitan dengan kepemimpinan wanita dalam Islam.

### **Sebagai Pemimpin**

Keempat, pengutaraan hadith ini perlu dilihat kepada sifat Rasulullah (s.'a.w) sama ada sebagai al-Rasul atau sebagai seorang pemimpin. Jika sifatnya sebagai seorang Rasul maka natijah hadith-hadith yang dikeluarkan membawa kesan pensyariatan am (*al-Tasyri'iyyah al-'Ammah*). Itupun jika tidak terdapat *qarinah* yang berkait dengan keadaan semasa. Jika sifatnya sebagai seorang pemimpin pula, maka natijah hadith-hadith yang dikeluarkan tidak membawa kesan yang sama. Hukum atau kesannya akan bergantung kepada keadaan dan tempat, malah akan terus berubah demi kepentingan semasa.<sup>15</sup>

Jadi, hadith ini tidak tergolong didalam pensyariatan am kerana; Pertama, dalam konteks hadis ini fungsi Rasulullah (s.'a.w) adalah sebagai seorang pemimpin, bukan sebagai seorang Rasul. Kedua, terdapat *qarinah* semasa iaitu pemerintahan Parsi pada masa itu. *Qarinah* ini menghalang menjadikan hadith terbabit sebagai *al-Tasyri'iyyah al-'Ammah*. Berdasarkan empat sebab di atas, hadith tersebut tidak boleh dijadikan dasar bagi menafikan wanita memegang jawatan *al-Wilayah al-'Ammah*. Ada kemungkinan hukum melarang wanita memegang jawatan yang termasuk di dalam maksud tersebut dihasilkan dengan bersandar kepada hujah-hujah lain, khususnya kepada kesesuaian budaya semasa dan masyarakat setempat. Jika demikian keadaannya, ketetapan (hukum) yang sama tidak boleh dipraktiskan sepenuhnya pada masa sekarang.

Kesimpulan yang boleh dibuat ialah: Wanita boleh menjawat jawatan *Wilayah al-'Ammah* dan *Wilayah al-Khassah*.

NOTA HUJUNG

1. Al-Syawkani, al-Imam Muhammad bin 'Ali, *Nayl al-Awtar Syarh Muntaqa al-Akhbar min Ahadith Sayyid al-Akhyar*. Kaherah: Syarikat Maktabah Wa Matba'ah Mustafa al-Halabiyy. 1961, jld. 8, hal. 297.
2. 'Abd al-Hamid Mutawali,( Dr.), *Mabadi' Nizam al- Hukm fi al-Islam*. Iskandariyah : Masya'at al-Ma'rifah. Cet. 2, 1974, hal. 417.
3. Al-Mawardi, Abu al-Hasan 'Ali bin Muhammad, *Ahkam al-Sultaniyah wa al-Wilayah al-Diniyah*. Kaherah: Syarikah al-Maktabah Mustafa al-Halabi. (tt). hal. 27
4. Ibn Qudamah, al-Imam Syams al-Din Abu al-Farr, *al-Mughni wa Yalihi al-Syarh al-Kabir*. Beirut : Dar al-Kitab al-'Arab (tt), jld. 9, hal. 41.
5. *Ibid.*
6. 'Abd al-Hamid al-Ansariy, (Dr.), *al-Syura wa Atharuha fi al-Demoqratiyah*. Beirut : Mansyurah al-Maktabah al'Arabiyyah. (tt), hh. 280-21.
7. Muhammad al-Qutb, (Dr.), *al-Islam wa Huquq al-Insan*. Beirut: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. 1984, hal. 326.
8. 'Abd al-Hamid al-Ansari, *op.cit.*, hal. 280-281.
9. *Ibid.*
10. *Ibid.*
11. Muhammad Faruq al-Nabhan, (Dr.), *Nizam al-Hukm fi al-Islam*. Beirut : Mu'assasah al-Risalah. Cet. 2, 1988, hal. 294-295.
12. 'Abd. al-Hamid al-Mutawaliy, Dr., *'Azmah al-Fikr al-Siyasiy fi al-'Asr al-Hadith*. Iskandariyah: al-Maktab al-Misriy al-Hadith. 1970. hal. 75.
13. 'Abd al-Hamid al-Ansari, *op.cit.*, hal. 282.
14. Muhammad Ali Qutb, *Bai'ah Kaum Wanita Terhadap Rasulullah*. (Terj. Jamaludin Kafie). Johor Bahru : Penerbit Penamas. 1984, hal. 86.
15. Mahmud Syaltut, al-Imam al-Akbar, *al-Islam, 'Aqidah wa Syari'ah*. Kaherah: Dar al-Syuruq. Cet. 12, 1983, hal. 500.